

05 SEP 1998
Anwar-jelajah
ANWAR TANGGUH JELAJAH REFORMASI

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menangguhkan hasratnya untuk menjelajah ke seluruh negara bagi membela dirinya berhubung dengan pemecatannya dan juga untuk memulakan satu gerakan reformasi.

Beliau pada mulanya merancang untuk balik ke negerinya Pulau Pinang tetapi berkata hari ini beliau membatalkannya kerana "Saya ada urusan yang belum selesai".

Anwar, yang telah berkata yang beliau sudah tentu akan ditangkap, berkata demikian kepada pemberita di kediamannya di Jalan Setiamurni 1, Bukit Damansara sebelum waktu makan tengahari.

Katanya setakat ini beliau belum diminta oleh polis untuk pergi ke mana-mana balai polis untuk memberi kenyataannya.

Ditanya sama ada beliau berhasrat untuk menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Anwar berkata beliau tidak bercadang berbuat demikian buat masa ini tetapi menambah "Saya masih suka kepada Perdana Menteri secara peribadi."

Anwar dipecatkan daripada Kabinet pada hari Rabu dan pada hari berikutnya beliau dipecat daripada Umno, yang beliau menjadi timbalan presiden.

Terdahulu, pada sidang berita yang berlainan, Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor berkata polis telah menerima aduan bahawa Anwar telah cuba untuk campur tangan dengan penyiasatan polis terhadap sebuah buku yang mengkaitkan bekas Timbalan Perdana Menteri itu dengan skandal seks.

Laporan-laporan itu juga menuduhnya menakut-nakutkan saksi-saksi dan mengubah bukti-bukti.

Ditanya mengenai ini, Anwar, yang telah menyifatkan semua dakwaan ke atasnya sebagai rekaan, berkata: " Saya tidak hairan sekiranya mereka tambah 20 lagi ..."

Mengenai kenyataan Rahim bahawa beliau (Anwar) enggan memberi contoh darah untuk ujian DNA bagi menafikan dakwaan bahawa beliau adalah bapa kepada seorang anak luar nikah, Anwar berkata Rahim perlu profesional.

"Apa yang diminta ialah contoh darah Azmin, isterinya dan anak itu," katanya.

Anwar telah dituduh membuat hubungan sulit dengan isteri setiausaha sulitnya Azmin Ali, yang menghasilkan seorang anak di luar nikah.

"Sekiranya anda mahu anda boleh minta dia (Rahim) datang dan mengambil contoh darah saya," kata Anwar.

-- Bernama
mam sj WAT